

PUCUK PAKU 'MUDAH' TANAM

Tanaman pilihan untuk ditanam di rumah, memberikan manfaat dari segi kesihatan, ekonomi dan kestabilan bekalan makanan kepada isi rumah

AGRO

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Pucuk paku atau nama saintifiknya *Diplazium esculentum* antara sayur kampung yang sangat digemari di negara ini.

Sayur ini sering digunakan dalam pelbagai masakan tradisional seperti masak lemak cili api dan goreng belacan.

Disebabkan kesukaran mendapatkan bekalannya di kawasan bandar, sayur dan ulam-ulaman termasuk pucuk paku sering berdepan kenaikan harga di pasaran.

Justeru, penanaman sendiri pucuk paku di rumah boleh menjadi alternatif yang baik bagi memastikan sumber makanan segar dan berterusan.

Ia kedengaran mustahil kerana pucuk paku secara semula jadi tumbuh di kawasan lembap seperti tepi sungai, parit dan belukar.

Namun, dengan cara yang betul dan menggunakan media tanaman yang sesuai, ia pasti berhasil.

Menurut Pegawai Pertanian Kanan Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Universiti Putra Malaysia (UPM) Mahani Amat@ Halimi, sebenarnya pucuk paku boleh ditanam di kawasan rumah.

Bagaimanapun, katanya, ia perlu persekitaran yang sesuai seperti keadaan habitat semula jadi pucuk paku yang sentiasa lembap, redup, tidak kena cahaya matahari secara langsung, tanah yang subur, gembur dan kaya dengan bahan organik.

"Pucuk paku boleh ditanam menggunakan dua kaedah utama iaitu melalui anak benih (rumpun) atau spora (biji) yang terdapat di bahagian bawah daun pucuk paku matang.

"Penanaman



FOTO IARKIB NSTP & IHSAN MAHANI AMAT

SAYUR hijau termasuk pucuk paku antara yang dicari di pasar.



menggunakan rumpun pucuk paku adalah kaedah paling mudah dan cepat.

"Manakala, kaedah spora memerlukan masa yang lebih lama kerana spora perlu dikumpul dan dikeringkan terlebih dahulu sebelum disemai dan pertumbuhan pucuk paku dari spora agak lambat berbanding kaedah menggunakan rumpun," katanya.

Bagi kaedah penanaman pucuk paku menggunakan anak benih atau rumpun pula, langkah pertama adalah dengan menggali lubang penanaman sedalam 10 hingga 15 sentimeter.

Kemudian, letakkan anak benih bersama akarnya ke dalam lubang itu sebelum menimbul kembali dengan tanah.

Pastikan tanah ditekan perlahan-lahan di sekeliling anak benih bagi mengukuhkan kedudukannya.

Selaras itu, siram dengan air secukupnya dan letakkan tanaman di

tempat yang redup supaya pertumbuhan dapat berjalan dengan optimum.

Bagi kaedah menyemai menggunakan spora pula, spora itu perlu ditaburkan di atas permukaan tanah yang lembap.

"Selepas itu, lapisan tanah nipis ditaburkan untuk menutup spora, penyiraman perlu dilakukan secara perlahan menggunakan penyembur air bagi memastikan spora tidak terjejas.

"Penting untuk memastikan tanah kekal lembap supaya pertumbuhan spora dapat dirangsang dengan baik," katanya.

Akhir sekali, kata Mahani, letakkan tanaman di tempat yang redup untuk mengelakkan pendedahan terus kepada cahaya matahari yang boleh mengganggu pertumbuhan pucuk paku.

Katanya, untuk menanam pucuk paku di rumah media tanaman boleh menggunakan campuran tanah, pasir

dan bahan organik seperti kompos atau baja tinja (tahi) ayam yang sudah diproses.

"Penggunaan campuran tanah, bahan organik dan cocopeat atau sekam padi juga sesuai untuk mengekalkan kelembapan tanah.

"Bagaimanapun, perlu dipastikan tanah mempunyai saliran air yang baik supaya air tidak bertakung," katanya.

Pucuk paku boleh mula dituai selepas satu hingga dua bulan bergantung kepada penjagaan serta kaedah penanaman yang digunakan.

Pada masa sama, pucuk paku juga perlu kerap dipetik serta dituai secara berkala bagi merangsang pertumbuhan pucuk baru.

"Selain itu, tanaman perlu disiram secara konsisten, terutama pada musim panas bagi mengekalkan kelembapan tanah.

"Penggunaan baja organik seperti kompos

dan tinja ayam yang sudah diproses boleh membantu meningkatkan kesuburan tanah dan mempercepat pertumbuhan pucuk paku," katanya.

Mahani berkata, penanaman pucuk paku di rumah bukan sahaja memberikan akses kepada sayur segar dan berkualiti tetapi juga dapat mengurangkan kebergantungan kepada bekalan pasaran.

"Selain itu, ia membantu menjimatkan perbelanjaan harian dan menyumbang kepada keterjaminan makanan negara terutama ketika berlaku gangguan seperti perubahan cuaca, bencana alam atau krisis ekonomi.

"Dengan sedikit usaha dan penjagaan yang betul, pucuk paku boleh menjadi salah satu tanaman pilihan untuk ditanam di rumah, memberikan manfaat dari segi kesihatan, ekonomi dan kestabilan bekalan makanan kepada isi rumah.

W
Pucuk paku boleh mula dituai selepas satu hingga dua bulan bergantung kepada penjagaan serta kaedah penanaman yang digunakan

MAHANI